

Kempen Pandu Impianmu 2.0 ("Kempen")

A) Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) ("ASNB").
2. Kempen ini bermula dari 1 April 2026 sehingga 31 Mac 2027 ("Tempoh Kempen"). Terdapat dua (2) cabutan pemenang bagi Kempen ini, iaitu seperti berikut:

- (a) Cabutan 1, bagi pelaburan dari 1 April 2026 hingga 30 September 2026; dan
- (b) Cabutan Utama, bagi pelaburan dari 1 April 2026 hingga 31 Mac 2027,

(yang secara bersama dirujuk sebagai "Tempoh Pelaburan").

ASNB, mengikut budi bicara mutlaknyanya, berhak untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula atau melanjutkan Tempoh Kempen.

3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta Kempen (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta") bersetuju untuk terikat dengan semua terma dan syarat di bawah (selepas ini dirujuk sebagai "Terma dan Syarat").

4. Kelayakan

- 4.1 Kempen ini terbuka kepada semua pemegang unit sedia ada dan baru bagi unit amanah ASNB ("Unit Amanah ASNB") bagi Akaun Dewasa dan/atau Akaun Remaja, kecuali kakitangan dan keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan kumpulan syarikat milik Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) ("PNB") dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai;

- i. ASNB;
- ii. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (198801008611 (175967-W));
- iii. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (200001015384 (517991-A));
- iv. PNB Research Institute Sdn. Berhad (198501007000 (139442-U));
- v. PNB Commercial Sdn Berhad (200001015419);
- vi. Attana Hospitality Group; dan
- vii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah PNB,

(secara kolektif, "PNB Group").

- 4.2 Hanya pelaburan berjaya dengan minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) dalam satu transaksi bagi mana-mana Unit Amanah ASNB sepanjang

Tempoh Pelaburan yang berkaitan layak untuk menerima tiket penyertaan ("Pelaburan Layak"). Bagi setiap Pelaburan Layak, setiap pelaburan Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) akan melayakkan Peserta menerima satu (1) tiket penyertaan.

- i. Bagi Pelaburan Layak yang dibuat melalui portal atau aplikasi myASNB, Peserta layak menerima dua kali ganda bilangan tiket penyertaan

- 4.3 Tiada had maksimum tiket penyertaan bagi setiap Peserta.
- 4.4 Jumlah pelaburan yang dibuat oleh Peserta sepanjang Tempoh Pelaburan yang berkaitan mestilah melebihi jumlah pengeluaran dengan minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00).
- 4.5 Semua jenis pelaburan adalah layak untuk Kempen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada tunai, pembiayaan bank, Skim Pelaburan Ahli - Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (SPA-KWSP), Skim Potongan Gaji (SPG), Arahan Tetap Bank ("SI"), Auto Labur, *ASNB Financial Planning Solution Package* ("FPSP"), ASB Plus, dan pelaburan melalui Robo Investment Advisor (RIA). Ini tidak termasuk transaksi agihan pendapatan, penukaran dan pemindahan. Pelaburan yang layak mestilah dibuat melalui mana-mana saluran serta platform ASNB atau ejen-ejenjnya.
- 4.6 Peserta mesti mendaftar untuk menyertai Kempen ini, melalui salah satu kaedah berikut:
 - i. Melengkapkan borang pendaftaran dalam talian yang boleh diakses melalui laman web ASNB; ATAU
 - ii. Mengisi frasa '**GENLABUR**' pada kod rujukan semasa membuat transaksi Pelaburan Layak melalui portal atau aplikasi myASNB.

Peserta hanya perlu mendaftar sekali untuk Kempen sepanjang Tempoh Pelaburan.

- 4.7 Peserta mestilah pemegang unit berdaftar dengan maklumat peribadi yang telah dikemas kini untuk layak menyertai Kempen.

5. **Pemilihan Pemenang dan Hadiah**

- 5.1 Peserta yang layak akan dipilih secara rawak untuk pemilihan pemenang melalui sistem komputer yang dikendalikan oleh ASNB selepas Tempoh Pelaburan yang berkaitan berakhir. Pemenang boleh menerima hadiah bagi kedua-dua Tempoh Pelaburan, kecuali pemenang bagi Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua.

5.2 Terdapat dua (2) cabutan untuk pemilihan pemenang, seperti berikut:

(i) Jadual 1: Pemilihan Pemenang

Pemilihan Pemenang	Tempoh Pelaburan	
	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
Cabutan 1	1 April 2026	30 September 2026
Cabutan Utama	1 April 2026	31 Mac 2027

(ii) Jadual 2: Hadiah Kempen

Kategori	Hadiah	Jumlah Pemenang
Cabutan 1		
Hadiah Pertama	Proton e.MAS 7 PHEV (Premium)	1
Hadiah Kedua	Perodua Bezza 1.3X (Automatic)	3
Hadiah Ketiga	Penginapan 3H2M di Hotel Hard Rock Penang & 3H2M di Hotel Hard Rock Desaru Coast	10
Hadiah Keempat	RM1,000.00 Touch 'n Go eWallet Reload PIN	50
Cabutan Utama		
Hadiah Pertama	BMW 320i M Sport	1
Hadiah Kedua	Perodua Bezza 1.3X (Automatic)	3
Hadiah Ketiga	RM5,000.00 Kad Hadiah Petronas	5
Hadiah Keempat	Penginapan 3H2M di Hotel Hard Rock Penang & 3H2M di Hotel Hard Rock Desaru Coast	10
Hadiah Keempat	RM1,000.00 Touch 'n Go eWallet Reload PIN	50

5.3 Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan dengan wang tunai, sama ada sebahagian atau sepenuhnya. ASNB berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang bernilai sama pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlakanya.

5.4 Bagi Hadiah Pertama dan Kedua bagi Cabutan 1 dan Cabutan Utama, setiap unit kenderaan akan termasuk dengan pendaftaran kenderaan, cukai jalan untuk tahun pertama dan perlindungan insurans. Warna dan spesifikasi sebenar hadiah

mungkin berbeza daripada gambar yang dipaparkan dalam mana-mana bahan promosi atau komunikasi yang diedarkan bagi Kempen ini.

- i. ASNB akan menghubungi calon pemenang melalui panggilan rakaman dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas tamat Tempoh Pelaburan yang berkaitan. Sekiranya ASNB tidak dapat menghubungi calon pemenang selepas sekurang-kurangnya tiga (3) percubaan dan/atau calon pemenang tidak mahu menerima hadiah apabila dihubungi oleh ASNB, calon pemenang tersebut akan dianggap hilang kelayakan untuk menjadi pemenang hadiah tersebut.
- 5.5 Bagi Kad Hadiah Petronas dan penginapan di Hard Rock Hotel, ASNB akan menghubungi calon pemenang melalui e-mel atau mana-mana saluran komunikasi yang sesuai dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas tamat Tempoh Pelaburan yang berkaitan. Sekiranya calon pemenang tidak memberi maklum balas dan/atau tidak memenuhi sebarang keperluan berkaitan dengan pengaturan hadiah dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas dihubungi oleh ASNB, ASNB berhak untuk membatalkan kemenangan tersebut.
- 5.6 Bagi hadiah Touch 'n Go Reload PIN, ia akan dihantar ke alamat e-mel pemenang yang berdaftar dengan ASNB dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar selepas tamat Tempoh Pelaburan yang berkaitan. Tiada sebarang maklum balas daripada pemenang diperlukan.

B) Terma dan Syarat Am

1. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:
 - 1.1 mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") mengikut dasar privasi ASNB yang dinyatakan di laman web ASNB di www.asnb.com.my; dan
 - 1.2 mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi antara kumpulan syarikat kami, ejen yang dibenarkan dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menjaga kerahsiaan Data Peribadi anda) untuk tujuan menyediakan produk dan Perkhidmatan kami atau mana-mana perkhidmatan berkaitan dan apa-apa tujuan lain yang berkaitan mengikut keperluan undang-undang yang relevan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
2. Semua Pemenang Kempen ini akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan, atau caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka mengikut undang-undang yang terpakai berkaitan dengan hadiah dan Kempen ini.

3. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB dan Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang timbul berhubung dengan Kempen ini.
4. ASNB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan berhubung dengan Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian luar biasa, peperangan, rusuhan, mogok, penutupan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem, atau apa-apa peristiwa yang berada di luar kawalan munasabah ASNB.
5. ASNB berhak, pada bila-bila masa, untuk mengubah, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan, atau sebahagian, atau mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat di sini dengan memberikan notis bertulis melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai kepada Peserta.
6. ASNB berhak untuk menentukan dan/atau menolak mana-mana Peserta yang tidak mematuhi terma dan syarat Kempen ini seperti yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini. Gangguan adalah termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan salah laku dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen ini.
7. ASNB dan Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang timbul sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.
8. Terma dan syarat Kempen ini, termasuk sebarang pindaan, pemadaman, atau penambahan, akan mengatasi sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi, sama ada cetakan atau elektronik, yang mengiklankan Kempen ini.
9. Sebarang keputusan oleh ASNB mengenai senarai pemenang Kempen ini untuk hadiah adalah muktamad dan sebarang rayuan atau pertikaian tidak akan dilayan.
10. Jika pemenang Kempen ini tidak memberi respon/gagal dihubungi oleh ASNB dalam tempoh yang ditetapkan melalui mana-mana saluran komunikasi yang sesuai, ASNB berhak untuk membatalkan hadiah tersebut.
11. Terma dan syarat Kempen ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia.
12. Terma dan syarat Kempen ini dikeluarkan dalam kedua-dua bahasa, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.